



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**JENAYAH MINUM ARAK DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM: ANALISIS PERUNDANGAN BERHUBUNG
TAFSIRAN ARAK DAN HAD PIAWAIAN
KANDUNGAN ALKOHOL**

*DRINKING LIQUOR CRIME IN BRUNEI DARUSSALAM:
LEGAL ANALYSIS ON LIQUOR INTERPRETATION AND STANDARD LIMIT
OF ALCOHOL CONTENT*

Umami Amnah Haji Hirmond¹, Hj. Abdurrahman Raden Aji Haqqi²

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Negara Brunei Darussalam
Email: amnah.hirmond@gmail.com

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Negara Brunei Darussalam
Email: abdurrahman.haqqi@unissa.edu.bn

Article Info:

Article history:

Received date: 29.11.2020

Revised date: 06.12.2020

Accepted date: 24.12.2020

Published date: 31.12.2020

To cite this document:

Haji Hirmond, U. A., & Haqqi, H. A. R. A. (2020). Jenayah Minum Arak Di Negeri Brunei Darussalam: Analisis Perundangan Berhubung Tafsiran Arak Dan Had Piawai Kandungan Alkohol. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 298-315.

DOI: 10.35631/IJLGC.5210025.

Abstrak:

Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 membawa perubahan besar dalam undang-undang jenayah minum arak di Negara Brunei Darussalam dengan penambahluasan peruntukan yang berkaitan dengannya beserta peningkatan kadar hukuman denda dan tambahan hukuman sebat. Ketiadaan tafsiran berhubung peruntukan jenayah minum arak dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 membuka ruang kepada pelbagai tafsiran dan boleh menimbulkan berbagai andaian khususnya menyentuh elemen pembuktian kesalahan tersebut. Objektif kajian adalah membuat analisa peruntukan kesalahan minum arak dan yang berkaitan dengannya sekaligus menunjukkan perkembangan semasa undang-undang jenayah syariah tersebut dan sejauhmana pelaksanaannya justeru itu telah menjelaskan keperluan terhadap pendefinisian yang lebih khusus dan jelas. Kaedah metodologi yang digunakan adalah kajian undang-undang dengan pendekatan kualitatif. Data diperolehi daripada bahan-bahan dokumentasi iaitu melalui kaedah perpustakaan, analisis kandungan statut sedia ada, jurnal, artikel, laporan kes, penelitian terhadap kertas siasatan dan kaedah temubual. Hasil kajian mendapati wujud perbezaan tafsiran arak di kalangan pendapat para ulama mazhab dan tidak ditafsirkan secara jelas dalam undang-undang jenayah syariah disamping undang-undang jenayah sivil memberikan tafsiran dengan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



had piawaian kandungan alkohol yang berbeza. Ketiadaan tafsiran jenayah minum arak dan perbezaan had piawaian kandungan alkohol minuman arak dalam perundangan boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan para pengamal dan dalam menentuhala elemen pembuktian jenayah tersebut, justeru berkemungkinan memberi kesan terhadap pembuktian kes. Kelopongan yang wujud dalam undang-undang perlu diberi perhatian dan pindaan yang bersesuaian agar pelaksanaan undang-undang jenayah ini lebih efektif. Dengan penambahbaikan dan penjelasan khusus tersebut, penggubalan serta penguatkuasaan undang-undang ini tidak akan tersiakan dalam menyahut tuntutan ugama dan aspirasi kerajaan bagi memerangi jenayah tersebut.

Kata Kunci:

Jenayah, Minum Arak, Analisis Perundangan, Tafsiran Arak dan Had Piawaian Kandungan Alkohol.

Abstract:

The enforcement of the Syariah Penal Code Order, 2013 brought major changes in the criminal law of drinking liquor in Brunei Darussalam with the increase in provisions related to it together with increased rates of fine and additional whipping. The absence of interpretation in relation to the provisions of drinking liquor in the Syariah Penal Code Order, 2013 opens up space to various interpretations and assumptions in regard to the element within the proof of offence. The objective of the study is to analyse the provisions of drinking liquor offenses and related thereto, thus showing the current development of the shariah criminal law and the extent to which its implementation has therefore clarified the need for a more specific and clear definition. The methodology used is a legal study with a qualitative approach. Data were obtained from documentation materials through library-based methods, statute content analysis, journals, articles, case reports, research on investigation papers, and interview methods. The findings showed a difference in liquor interpretation among the scholars of the sects and not explicitly interpreted in shariah criminal law in comparison to the civil criminal law which gives interpretations with a different standard limits of alcohol content. The lack of interpretation of drinking liquor and the difference in the standard limit of alcohol content in the legislation may cause confusion among the practitioners and in determining the element of proof of the crime, thus possibly affecting the proof of the case. The loopholes found in the law need to be given appropriate attention and amendments so that the implementation of this criminal law is more effective. With specific improvement and explanation, the enactment and enforcement of this law are not wasted in responding to the religious demands and government aspirations to combat the crime.

Keywords:

Crime, Drinking Liquor, Legal Analysis, Liquor Interpretation and Alcohol Content Standard Limit.

Pengenalan

Allah Subhanahu Wataala telah memuliakan manusia dari sekalian ciptaan makhluk-Nya dengan memberikan kelebihan akal kepada manusia. Mabuk adalah musuh kepada akal manusia kerana boleh mengakibatkan manusia hilang pemikiran warasnya. Arak dipersetujui oleh para ulama Islam dan saintis moden sebagai ibu segala kejahatan kerana sifatnya

memabukkan. Mudharat arak sangat luas kerana merosakkan fizikal, moral, kesihatan, keluarga, ekonomi dan masyarakat. Sabda Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam mengenai bahaya arak :

« لا تشرب الخمر فإنها مفتاح كل شر »

“ *Janganlah kamu meminum arak kerana arak adalah kunci segala kejahatan* ”

(Ibn Mājah, no. 1/3371)

Islam mengharamkan manusia meminumnya selaras dengan penjagaan lima perkara *kulliyat* yang sangat dituntut iaitu penjagaan ugama, nyawa, harta, akal dan keturunan. Pengharaman kemasukan arak ke Negara Brunei Darussalam bermula dengan pengharaman penghidangan arak di dalam Penerbangan Diraja Brunei pada 30 November 1988. Pada 31 Julai 1990 pula pengharaman dikenakan ke atas penghidangan arak di kelab-kelab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan juga Pasukan Polis Diraja Brunei. Manakala mulai 01 Disember 1991 pengharaman secara menyeluruh kemasukan arak ke negara ini dikuatkuasakan.

Penguatkuasaan undang-undang bagi kesalahan minum arak mula berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1956 dan hukumannya telah dipertingkatkan dengan penguatkuasaan Pemerintah baru pada tahun 2014. Walaubagaimanapun, kemasukan arak secara haram masih berlaku dimana pihak berkuasa telah membuat rampasan ke atas percubaan menyeludup barang larangan iaitu minuman keras pada 04 April 2020 sebanyak lebih 2000 tin dan botol.¹ Kegiatan penyeludupan haram dilihat masih aktif dijalankan meskipun sekatan untuk keluar masuk negara secara bebas dilaksanakan di pos-pos kawalan bagi mengawal penularan pandemik Covid-19, setelah penyeludupan sebanyak 218 botol dan 672 tin minuman keras berjaya dipatahkan oleh pihak polis di daerah Temburong pada 30 November 2020. Keanggotaan peronda sungai polis marin Pasukan Polis Diraja Brunei turut berjaya menahan warga tempatan bersama barang tegahan berupa minuman keras sebanyak 420 botol dan 380 tin pelbagai jenis pada bulan yang sama.²

Mudharat kes mabuk sudah tentu akan meningkat tinggi andainya arak dibenarkan dijual atau dihidangkan di tempat awam meskipun dihadkan untuk hidangan orang bukan Islam. Kementerian kesihatan Amerika ke Kongress melaporkan sekitar 10 juta warga Amerika mengalami pelbagai macam jenis penyakit disebabkan minuman beralkohol.(al-Aḥmarī) Menurut laporan Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih dari 3 juta orang mati akibat penggunaan alkohol pada tahun 2016.³ Sebanyak 191 kes kematian berpunca daripada pemanduan mabuk direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2018 manakala terdapat 212 kes pada 2017.⁴ Dianggarkan satu pertiga kesalahan trafik yang membawa kepada kematian setiap tahun adalah berkaitan alkohol. Ortmeier (2006) menyatakan kadar kematian di Amerika berkaitan dengan alkohol adalah lebih tinggi dari kadar kes pembunuhan. Saudi Arabia, Kuwait, Sudan, Pakistan, Iran and Libya turut menegah pengambilan minuman memabukkan termasuk pengeluaran dan penjualannya.⁵

Meskipun kesalahan-kesalahan berkaitan dengan arak masih berlaku di Negara Brunei Darussalam, namun tanpa penguatkuasaan undang-undang jenayah minum arak, sudah pasti

¹ www.borneobulletin.com.bn (akses bertarikh 20 April 2020)

² www.police.gov.bn (akses bertarikh 13 Dis 2020)

³ Global status report on alcohol and health 2018.

https://www.who.int/substance_abuse/publications/global_alcohol_report/en/ (akses bertarikh 01 april 2020)

⁴ <http://www.nadinegara.com/uncategorized/bahana-arak-dan-pemandu-mabuk/> (akses bertarikh 01 april 2020)

⁵ https://en.m.wikipedia.org/wiki/Alcohol_law (akses bertarikh 26 Jun 2020)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

jenayah tersebut lebih giat dilakukan tanpa rasa takut dan malu malahan penyeludupan pasti akan lebih berleluasa. Ketiadaan tafsiran arak dalam undang-undang telah dikenal pasti justeru menimbulkan persoalan di minda berhubung jenis-jenis minuman yang dikategorikan sebagai arak sebagai suatu jenayah. Kajian ini bertujuan bagi menganalisa peruntukan jenayah minum arak khususnya berhubung tafsirannya dalam perundangan syariah dengan merujuk kepada hukum syara' dan membuat perbandingan dengan perundangan sivil serta melihat sejauhmana perkembangan pelaksanaannya di Negara Brunei Darussalam.

Kajian Literatur

Dk. Noor Hafidzah binti Pg. Hj Ahmad (2003) dalam penulisannya bertajuk *Jenayah Minum Arak Mengikut Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Brunei*⁶ menjelaskan senarai peruntukan kesalahan berkaitan jenayah tersebut di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tanpa sebarang perincian. Namun tidak didapati perbahasan jenayah minum arak berdasarkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 termasuklah berkaitan isu tafsiran jenayah dalam perundangan.

Kajian Faisal Nur Arifin (2019) bertajuk *Pendapat Madzhab Hanafi Tentang Perbedaan Khamr Dan Nabiz Dan Implikasinya Terhadap Penentuan Hukum*⁷ menyatakan Mazhab Hanafi berpendapat arak yang diharamkan adalah sejenis minuman yang dibuat dari perahan buah anggur dan kurma sahaja, sementara selain daripada kedua buah tersebut disebut sebagai nabidz, bukan arak. Implikasi dari perbezaan istilah di kalangan mereka seterusnya menghasilkan perbezaan hukum iaitu haram meminum arak dan boleh dikenakan hukuman had. Namun meminum nabidz tidak haram selagi mana tidak mengeluarkan buih. Meminum nabidz sahaja juga tidak akan dikenakan hukuman had kecuali jika meminumnya sehingga mabuk. Pengkaji tertarik untuk mengenalpasti tafsiran dan pemakaian mazhab bagi jenayah arak dalam undang-undang jenayah syariah yang dikuatkuasakan di Brunei Darussalam dan pelaksanaannya.

Khursyiah Mustafa dan Prof Madya Dr Jasri Jamal (2016) dalam penulisan mereka bertajuk *Had Piawaian Kandungan Alkohol Di Dalam Minuman Dan Makanan Halal*⁸ mengutarakan pelbagai tanggapan masyarakat di Malaysia berhubung alkohol dan arak, hubungkait keduanya dan hukum alkohol di dalam makanan dan minuman. Perbezaan had piawaian penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman halal menurut perundangan di Malaysia telah menimbulkan konflik semasa. Pengkaji berpendapat isu had piawaian kandungan alkohol dalam minuman memabukkan menerusi skop perundangan jenayah syariah di Brunei Darussalam perlu ditimbulkan selaras dengan penguatkuasaan undang-undang jenayah Hudud dengan membangkitkan perbandingannya dengan undang-undang sivil.

Metodologi

Reka bentuk kajian adalah kajian kes dan analisis dokumen. Kajian dijalankan dengan metode kualitatif iaitu pengumpulan data dan penganalisan data dengan pendekatan deskriptif.

⁶ Dk. Noor Hafidzah binti Pg. Hj Ahmad. (2003). *Jenayah Minum Arak Mengikut Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Brunei*. Diploma Disertasi, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

⁷ Faisal Nur Arifin. (2019). *Pendapat Madzhab Hanafi Tentang Perbedaan Khamr Dan Nabiz Dan Implikasinya Terhadap Penentuan Hukum*. Skripsi Sarjana, Jurusan Hukum Pidana Islam, Fakultas Syari'ah Dan Hukum, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.

⁸ Khursyiah Mustafa dan Prof Madya Dr Jasri Jamal. (2016). *Had Piawaian Kandungan Alkohol Di Dalam Minuman Dan Makanan Halal*. Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia [2016] 1 ShLR i
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Kaedah perpustakaan digunakan bagi mendapatkan bahan maklumat seperti dokumen perundangan, tesis kajian lepas, laman sesawang, laporan kes dan penelitian kertas siasatan.

Takrifan Minum Arak

Menurut Bahasa dan Perspektif Syarak

Minum bermaksud meminum, meneguk atau menelan sesuatu yang cair. Minuman pula barang cair yang boleh diminum. (Kamus Dewan 2005) Perbuatan minum hendaklah melalui anggota mulut dan sampai ke kerongkong walaupun tidak sampai masuk ke perut. (al-Dasūqī) Arak atau *Khamr* dalam bahasa Arab menurut bahasa bermaksud menutup, terdiri dari jus anggur dan setiap minuman yang memabukkan, iaitu menutup akal fikiran manusia dari kewarasan. (Nāṣīr Sāyyīd Aḥmād, *et.al*). Kamus Dewan (2005) mendefinisikan arak sebagai sejenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan, disebut juga sebagai minuman keras. Arak iaitu *liquor* dalam bahasa Inggeris diertikan sebagai minuman beralkohol kuat atau spirit. Sifat memabukkan sinonim dengan arak terjumlah kepada pengambilan secara sengaja atau tidak sengaja alkohol yang boleh mengubah *mood*, persepsi dan penilaian seseorang.

Dari sudut istilah, para fuqaha berselisih pendapat dalam memberikan definisi arak sama ada membawa maksud bagi apa saja bahan yang memabukkan ataupun nama khas bagi minuman tertentu sahaja.

- a. Pendapat pertama iaitu jumhur ulama seperti Mazhab Maliki, Syafi'e dan Hanabilah sebagaimana pendapat penduduk Madinah, ahli Hijaz (Sayyid Sābiq) dan ahli Hadith mentafsirkan arak adalah merangkumi semua jenis minuman yang memabukkan, atas nama *khamr* atau lain seperti nabidz, sama ada diproses daripada bahan tertentu seperti anggur, kurma, kismis, epal, gandum, tin, jagung, beras, madu, susu dan sebagainya, tanpa mengira sama ada dimasak atau mentah, dengan pengambilan kadarnya yang sedikit atau banyak, sama ada sampai ke tahap memabukkan atau tidak. (al-Jazairī, 2011) Pendapat ini adalah pandangan para sahabat seperti Umar, Ali, Ibnu Mas'ud, Ibnu Umar, Abu Hurairah, Aisyah, Umar bin Abdul Aziz, Abu Tsaur, Abu Ubaidah, Ishak dan Imam Ahmad dari ulama mazhab Hanafi. (Amir Abdul Aziz)

Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berkata :

« كل شراب أسكر , فهو حرام »

“setiap minuman yang memabukkan, maka adalah haram”

(Ṣaḥīḥ Muslim, no. 5179)

« كل مسكر خمر وكل خمر حرام »

“setiap yang memabukkan adalah arak, dan semua arak adalah haram”

(Ṣaḥīḥ Muslim, no. 5189)

- b. Pendapat kedua iaitu Imam Abu Hanifah (al-Kāsānī) berpendapat arak adalah minuman terdiri daripada air anggur yang diproses melalui cara fermentasi sehingga berbuih, atau air anggur yang berkurangan kurang dua pertiga daripadanya (tersejat) setelah dimasak, atau air kismis atau kurma yang berubah dan berbuih, meskipun meminumnya dalam kadar sedikit atau banyak, sama ada hingga mabuk atau tidak. (Paizah 2008 ; Amir Abdul Aziz ; al-Zuḥaylī 1984). 'Abd al-Qādir 'Awdah menyatakan bahawa Abu Yusuf dan Imam Muhammad mengertikan arak sebagai air perahan anggur sama ada melalui fermentasi ataupun tidak, iaitu walaupun tidak berbuih dan ini termasuk juga bagi air perahan kurma dan kismis iaitu pendapat *azhar* di sisi mazhab Hanafi. Bagi pendapat

mazhab Hanafi dan penduduk Kufah, minuman selainnya tidak disebut arak (*khamr*) tetapi sebagai *nabidz* atau minuman memabukkan iaitu air perahan buah lain daripada gandum, jagung, madu dan sebagainya. Al-Qurṭūbī menjelaskan ahli Iraq berkata yang haram dan wajib dikenakan hadd adalah bagi minuman memabukkan selain anggur jika sampai memabukkan, yakni atas sebab mabuk bukan disebabkan ‘ain nya sebagaimana pendapat kebanyakan ahli kufah dan ulama basrah. (Sayyid Sābiq) Maka jika meminumnya sehingga mabuk, haram hukumnya dan boleh dihukum hadd kerana mabuk. Begitu menurut al-Jazairī (2011) jika meminum susu yang sudah berubah dan menyebabkan mabuk adalah haram hukumnya. Demikian sebab pengharaman arak di sisi mereka adalah merujuk kepada kadar memabukkan yakni dengan mengkiaskan kepada tujuan larangan arak dalam Islam adalah disebabkan kadar memabukkan itu boleh membawa permusuhan.

Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda :

« الخمر من هاتين الشجرتين : النخلة والعنبة »

“Arak ialah daripada dua pokok ini, merujuk kepada kurma dan anggur”

(Ṣaḥīḥ Muslim, no. 5114)

Al-Jazairī (2011) dalam bukunya menyatakan pendapat jumhur ulama merupakan pendapat yang paling kuat dan *rajih* iaitu mengambilkira keumuman istilah ‘*khamr*’ sebagai merangkumi semua jenis minuman yang memabukkan. Keumuman tersebut dipersetujui para sahabat antaranya Imam Ali, Saidina Umar, Abu Hurairah, Ibnu Abbas, Abu Musa al- ‘Ash‘ari dan Sayyidatina ‘Aishah radiallahu ‘anhum ajma‘in. Hasil penelitian pengkaji mendapati perbezaan kedua pendapat di atas berlaku disebabkan cara pendekatan yang berlainan, di mana pendapat jumhur ulama menggunakan pendekatan mengikut pengertian bahasa dan kehendak syara‘, sementara pendapat mazhab hanafi mengambilkira pengertian bahasa yakni secara *literal*. Selain itu, perkataan ‘memabukkan’ dari hadith nabi tentang “setiap yang memabukkan adalah haram” membawa fahaman berbeza di kalangan para ulama sama ada merujuk kepada maksud “jenis memabukkan” ataupun “kadar memabukkan”. Bagaimanapun, ijma‘ ulama telah menetapkan bahawa arak yang diiktiraf sebagai memabukkan di sisi syara‘ adalah mengikut jenisnya dan bukan kadarnya. (Sayyid Sābiq) Oleh itu, arak dari sudut istilah fiqh dapat diertikan sebagai setiap jenis minuman yang sifatnya memabukkan, sama ada diperbuat daripada buah-buahan seperti anggur, kurma, tin, kismis atau daripada biji-bijian seperti jagung, gandum, barli atau madu sama ada dengan cara dimasak atau tidak tanpa mengira ianya dikenali dengan nama lama iaitu arak mahupun nama moden seperti *whisky*, *champagne*, *brandy* dan sebagainya.

Dalam ketetapan Fatwa Mufti Kerajaan Brunei (Abdul Aziz bin Juned 1999) bahawa arak telah didefinisikan sebagai jenis minuman memabukkan yang mengandungi kadar peratus alkohol sebanyak 2% hingga 8 % iaitu jenis bir. Merujuk keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bagi isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011, minuman ringan yang dibuat bukan bertujuan menghasilkan arak dan prosesnya berlainan dari proses pembuatan arak dengan kandungan alkohol di bawah 1% v/v adalah boleh diminum (halal), tetapi berbeza halnya bagi minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses pembuatan arak, sama ada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling (*distilled*), maka hukumnya haram diminum. Bagi makanan atau minuman yang

mengandung bahan perisa atau pewarna yang mengandung alkohol untuk tujuan penstabilan, hukumnya harus digunakan dengan syarat alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%. Prof. Dr. Yusuf al-Qardhawi berpandangan kandungan alkohol yang sedikit adalah dibenarkan, iaitu hingga ke tahap 0.5% kerana jumlah ini tidak menyebabkan mabuk dan tidak signifikan untuk menjadikan minuman itu haram, walau bagaimanapun hendaklah dari hasil fermentasi secara semula jadi.⁹

Menurut Perspektif Sains

Arak adalah sejenis minuman yang mengandung alkohol. Alkohol berasal daripada kalimah bahasa arab iaitu *al-kuhul* yang bermaksud intipati. Ia merupakan cecair yang mudah terbakar dan memabukkan yang terdapat di dalam minuman keras dan lain-lain. Ia juga bererti minuman keras. (Kamus Dewan 2005). Alkohol adalah sesuatu yang boleh mendatangkan mabuk dan sakit kepala daripada arak dan boleh menghilangkan akal yang terdiri daripada hidrogen dan karbon. (al-Aḥmārī).

Dari pandangan ilmu kimia, alkohol (jenis etanol) dikenali sebagai *ethyl alcohol* atau *grain alcohol* atau alkohol minuman. Ia adalah komponen utama di dalam minuman keras dengan formula kimia C_2H_6O dan diertikan sebagai sebatian organik atau hidrokarbon yang mempunyai kumpulan fungsi (-OH). Kandungan alkohol di dalam minuman beralkohol terdiri daripada jenis etanol¹⁰ dan diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan. (Royston, Angela 2000). Secara umumnya, skop penggunaan perkataan 'alkohol' mempunyai makna yang lebih luas kerana alkohol terbahagi kepada beberapa jenis lain¹¹ selain etanol. Walaubagaimanapun, penggunaan istilah alkohol yang dipakai bagi minuman beralkohol tidak lain adalah merujuk jenis etanol.¹² Dos kandungan etanol adalah berbeza tertakhluk kepada jenis minuman beralkohol dan tahap *concentration* juga berbeza terdiri daripada jenis *beer*, *table wines*, *fortified wines*, *distilled spirit* atau *liquor*. Sebahagian minuman beralkohol mengandungi kadar alkohol yang lebih tinggi dari sebahagian lainnya, oleh itu kebiasaannya bersifat lebih kuat, lebih mahal dan lebih cepat kesan memabukkan kerana kadar alkoholnya lebih pekat (*more concentrated*).

Penghuraian maksud arak dari perspektif kimia jelas menggambarkan bahawa wujud hubungan di antara arak, alkohol dan etanol. Arak dan alkohol seringkali disalah tafsir dan kekeliruan ini berlaku di dalam pemahaman masyarakat umum yang mengatakan arak ialah alkohol dan alkohol ialah arak. Sebetulnya arak itu mengandungi alkohol akan tetapi alkohol bukanlah arak semata kerana tafsiran alkohol sebetulnya lebih luas, namun keduanya berkaitan. Alkohol adalah di antara bahan yang terdapat di dalam arak, iaitu bahan yang menyebabkan arak tersebut menjadi cecair yang memabukkan. Minuman yang diharamkan dalam Islam lazimnya disebut arak. Alkohol pula adalah sebatian umum yang mempunyai banyak jenis antaranya etanol iaitu sebatian khusus daripada pelbagai jenis alkohol. Penggunaan perkataan alkohol dalam minuman lazimnya bermaksud etanol yang menurut Hibbert, Addam (2001) berupa hidrokarbon yang terhasil dari yis yang berpotensi untuk menyekat hubungan saraf dalam otak. Etanol ialah bahan cecair tanpa warna yang mudah mengewap dan mudah terbakar, zat memabukkan dalam arak dan boleh digunakan sebagai pelarut seperti perisa atau pewarna

⁹<https://gulfnews.com/world/gulf/qatar/qaradawi-sanctions-small-quantity-of-alkohol-in-drinks-1.97623>

(akses bertarikh 01 april 2020)

¹⁰ Boleh lihat <https://en.wikipedia.org/wiki/Ethanol> (akses bertarikh 26 Jun 2020)

¹¹ Jenis lain seperti *methanol*, *ethylene glycol*, *2,3 butanediol*, *diethylene glycol*, *isopropanol*.

¹² Etanol mengandungi tahap toksik paling rendah berbanding alkohol jenis lain.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

makanan. Alkohol (etanol) dihasilkan melalui dua cara pemprosesan, pertama melalui cara penapaian yis karbohidrat (*yeast fermentation of carbohydrates*) iaitu suatu proses untuk menghasilkan arak; dan cara kedua melalui kaedah sintetik atau bahan kimia (bukan dari sumber semulajadi seperti tumbuhan) iaitu proses yang bertujuan untuk menghasilkan alkohol daripada minyak tanah dengan kaedah pencairan atau penghidratan etil (*hydration of ethylene*).

Menurut Perspektif Undang-Undang

Apakah pula tafsiran arak dalam undang-undang sebagai minuman yang memabukkan? Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah berhubung kesalahan minum arak telah lama berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam sejak 1 Februari 1956. Perkara ini boleh dirujuk dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 (selepas ini dirujuk sebagai Akta Penggal 77) di bawah bab 172 “Minuman yang memabukkan”.

Bab 172. Barangsiapa dalam mana-mana kedai atau tempat awam yang lain membeli atau menjual atau meminum sebarang minuman yang memabukkan atau minuman lain yang ditegah oleh hukum syarak adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman didenda sebanyak \$500, atau dalam hal kesalahan kedua didenda sebanyak \$750 atau dalam hal kesalahan ketiga atau yang berikutnya didenda sebanyak \$1,000.

Pada 1 Mei 2014, undang-undang jenayah syariah terbaru dikuatkuasakan iaitu Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (selepas ini dirujuk sebagai PKHJS). Dalam perintah ini, kesalahan berhubung minum arak diperuntukkan di bawah “Meminum arak atau minuman yang memabukkan” dalam bab 104(1),(3) dan (5) termasuklah kesalahan percubaan bab 105 dan subab bab 106 sebagai salah satu jenis kesalahan yang boleh dikenakan hukuman hadd. Pelaksanaan hukuman hadd telah mula dikuatkuasakan pada 03 April 2019 dan sekaligus memansuhkan peruntukan bab 172 dalam Akta Penggal 77.

Bab 104 (1) Mana-mana orang Islam yang meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* dengan disebat 40 sebatan bagi kesalahan pertama, disebat 80 sebatan bagi kesalahan kedua dan disebat 80 sebatan serta dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun bagi kesalahan ketiga dan berikutnya.

Bab 104 (3) Mana-mana orang Islam yang –

(a) meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan dan dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah cerai (2); atau

(b) menggunakan arak atau sebarang minuman yang memabukkan, adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 104 (5) Mana-mana orang bukan Islam yang meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan di tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 105 (1) Mana-mana orang Islam yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan di bawah bab 104(1), (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 105 (2) Mana-mana orang bukan Islam yang cuba melakukan atau cuba untuk menyebabkan berlakunya kesalahan di bawah bab 104(5) atau (6) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 106 (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 104(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab 106 (2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan kesalahan di bawah bab 104(3), (4), (5) atau (6) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali

Setelah diamati dan diteliti kedua-dua peruntukan undang-undang jenayah syariah tersebut, pengkaji tiada mendapati sebarang peruntukan yang menjelaskan tafsiran arak dan minuman yang memabukkan. Jika dibandingkan dengan undang-undang di negara jiran seperti Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 12 Tahun 2003, Tentang Minuman Khamar Dan Sejenisnya, di mana undang-undang itu mentafsirkan “Khamar dan sejenisnya” sebagai minuman yang memabukkan, apabila dikonsumsi dapat menyebabkan terganggu kesihatan, kesedaran dan daya fikir. “Mengkonsumsi” bermaksud perbuatan memakan atau meminum minuman khamar dan sejenisnya baik dilakukan sendiri mahupun dengan bantuan orang lain.¹³ Undang-Undang Jenayah Syariah di Terengganu Malaysia¹⁴ mentafsirkan “*Syurb*” sebagai kesalahan meminum arak atau sebarang minuman yang sifatnya memabukkan, sama ada orang yang meminumnya mabuk atau tidak, dan tanpa mengira kuantiti yang diminumnya. Sementara itu, dalam Undang-Undang Hudud di Pakistan¹⁵ minuman memabukkan diertikan sebagai termasuk todi, spirit dari wain, bir dan semua cecair yang mengandungi alkohol yang kebiasaannya digunakan untuk tujuan memabukkan, tetapi tidak termasuk *solid* yang memabukkan walaupun setelah dicairkan.

Dalam sistem perundangan Islam, penggubalan undang-undang jenayah syariah hendaklah digubal bersesuaian dengan kehendak dan ciri-ciri perundangan jenayah Islam. Bersesuaian dengan kehendak ini dan ketiadaan peruntukan yang nyata mengenainya dalam PKHJS, hukum syarak hendaklah dikenakan.¹⁶ Sehubungan itu juga, dalam ketiadaan tafsiran statut, pada kebiasaannya rujukan dibuat kepada tafsiran biasa di dalam kamus dan melihat kepada tafsiran dalam undang-undang yang lain. Prof. Dr. Anwarullah¹⁷ berpendapat bahawa maksud arak dan minuman yang memabukkan di dalam Akta Penggal 77 dan PKHJS adalah bersifat umum dan menyeluruh. Keutamaan penggubalan peruntukan tersebut adalah melihat kepada sebab (*illah*) sebagaimana sebab atau tujuan pengharaman jenayah itu dalam Islam adalah atas faktor kesannya yang memabukkan bagi siapa yang meminumnya. Maksud peruntukan ini disesuaikan dengan pendapat jumhur ulama yang terdiri daripada mazhab Maliki, Syafi’*e* dan Hanbali yang menetapkan setiap jenis minuman yang memabukkan adalah ditegah dalam agama Islam tanpa mengira daripada jenis atau bahan ianya diperbuat.

Berikutan ketiadaan sebarang tafsiran yang menjelaskan arak di dalam undang-undang substantif bagi kesalahan minum arak dan dalam usaha memahami konteks tersebut, rujukan dan perbandingan boleh dibuat terhadap undang-undang bertulis lain yang terpakai di Negara Brunei Darussalam berhubung beberapa tafsiran berkaitan minuman yang memabukkan, seperti dalam Perintah Eksais, 2006 di dalam Bab 2(1), antaranya–

¹³ Bab I, Pasal 1, Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 12 Tahun 2003.

¹⁴ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 2002.

¹⁵ The Prohibition (Enforcement Of Hadd) Order, 1979 Pakistan Chpt. 1, Sect. 2 (h).

¹⁶ Bab 253, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

¹⁷ Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Prof. Dr. Anwarullah. Pakar Perundangan Islam, Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. (Temubual bertarikh 26 Februari 2020).

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

“Alkohol” – *ethyl* alkohol;

“*Liquor* yang memabukkan” - termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada 2 % spirit purif (alkohol mutlak), yang sesuai, atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai satu minuman; dan “spirit” mana-mana *liquor* yang mengandungi alkohol diperolehi dengan cara penyulingan (*distillation*), sama ada dinyahasli atau tidak.

Dalam Perintah Duti Eksais (Pindaan) (Bil.2), 2017¹⁸ bersamaan dengan *Brunei Darussalam Tariff And Trade Classification, 2017(BDTTC)*¹⁹ menyenaraikan kategori jenis-jenis minuman keras dengan kandungan alkoholnya mengikut jenis-jenis tersebut di dalam Chapter 22 (*Beverages, spirits and vinegar*). “Minuman tidak beralkohol” ditafsirkan sebagai minuman yang mengandungi paras alkohol yang tidak melebihi 0.5% vol (*volume*). Minuman beralkohol telah diklasifikasikan di bawah tajuk (*heading*) 22.03 hingga 22.06 atau tajuk 22.08 sebagaimana yang bersesuaian. Tajuk-tajuk tersebut mentafsirkan minuman beralkohol seperti berikut :

22.03 : bir diperbuat dari malta (*stout, porter, ale* dan lain-lain) dengan kadar alkohol tidak lebih 5.8% vol ;

22.04 : wain dari anggur segar, termasuk *fortified wines* seperti *sparkling wine* yang mempunyai kadar alkohol di antara 15% ke 23% vol ;

22.05 : *Vermouth* atau wain lain daripada anggur segar dengan perisa tumbuh-tumbuhan atau bahan beraroma (*flavoured with plants or aromatic substances*) ;

22.06 : Minuman fermentasi (contoh, *cider, perry, mead, sake*); campuran minuman fermentasi dan campuran minuman fermentasi dan minuman tidak beralkohol, tidak terkandung atau dinyatakan secara khusus di bahagian yang lain, contoh lain seperti *coconut palm toddy*, wain beras dan *shandy* yang mempunyai kadar alkohol tidak melebihi 1.14 % vol ;

22.08 : *Ethyl* alkohol tidak dinyahasli (*undenatured*) yang mempunyai paras alkohol kurang daripada 80 % vol ; terdiri dari spirit (seperti *brandy, whiskies, rum, geneva, vodka*), liqueurs (dengan kadar alkohol di antara 40 % vol hingga 57% vol) dan lain-lain minuman spirit.

Dalam undang-undang bertulis lain seperti Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggali 182), minuman beralkohol adalah *liquor* yang memabukkan yang mengandungi lebih daripada 0.5 % (v/v) alkohol pada kadar 20°C dan yang sesuai, atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai satu minuman dan termasuk “todi” tapi tidak termasuk spirit yang dinyahasli.²⁰ Di dalamnya pelbagai kategori jenis minuman dinyatakan di dalam beberapa peruntukan dari Akta tersebut²¹ termasuklah *ale, beer, lager,*

¹⁸ Berkuatkuasa pada 01 April 2017. Pindaan ini telah memansuhkan Jadual Pertama dalam Perintah utama iaitu Perintah Duti Eksais, 2007 dan menggantikannya dengan Jadual Pertama baru yang antaranya mengandungi Chapter 22.

¹⁹ Dijalankan oleh pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam. Dikuatkuasakan semenjak 01 April 2017, Brunei Darussalam Tariff and Trade Classification, 2017 (BDTTC) yang baru ini telah mengganti Brunei Darussalam Tariff and Trade Classification, 2012 (BDTTC) termasuk dengan segala tambahan dan pindaannya. Brunei Darussalam Tariff and Trade Classification, 2017 yang baru menggabungkan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN iaitu ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature (AHTN) yang menggunakan 8-digit Harmonized Commodity Description and Coding System Nomenclature (HS) yang dibangunkan oleh World Customs Organisation (WCO).

Dalam Brunei Darussalam Tariff and Trade Classification 2017, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menggariskan pindaan ke atas Duti Import Kastam dan Duti Eksais.

²⁰ Bab 253(1), Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Peraturan 1, Penggal 182), Brunei Darussalam, berkuatkuasa pada 01 Januari 2001.

²¹ Dari bab 254 - bab 279 dari Akta yang sama.

porter, stout, wain, malt wine, quinine wine, aromatic wine, wine cocktail, vermouth, port, sherry, meat wine, beef wine, sparkling wine, carbonated wine, fruit wine, cider, perry, sparkling cider, sparkling perry, acerated cider, acerated perry, honey wine, cereal grain wine, chinese wine, toddy, brandy, marc brandy, fruit brandy, whisky, rum, gin dan vodka.

Kesemua negeri di Malaysia mempunyai peruntukan kesalahan jenayah syariah bagi “minum minuman yang memabukkan” di dalam Enakmen/Ordinan negeri-negeri. Merujuk Akta Kastam 1967 (Akta 235) dalam bab 2(1) mendefinisikan “*liquor* memabukkan” termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada 1.14 % (v/v), yang sesuai, atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai satu minuman. Di bawah peraturan 361 daripada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Malaysia, minuman beralkohol adalah *liquor* yang memabukkan yang mengandungi lebih daripada 2% (v/v) kandungan alkohol. Sebagaimana yang berlaku di Selangor, penjualan *liquor* memabukkan dijalankan secara berlesen.²² Dari penjualan tersebut, *liquor* memabukkan ini turut dikategorikan sebagai minuman ringan jika mengandungi kadar alkohol melebihi 2 % dan kurang 8.8 %, sementara *liquor* memabukkan mengandungi paras alkohol melebihi 8.8 % dianggap sebagai jenis minuman keras. (Jasri Jamal & Noryati Anuar 2012) Amerika Syarikat mendefinisikan minuman beralkohol sebagai “apa jua minuman berbentuk cecair mengandungi tidak kurang daripada satu-setengah dari satu peratus alkohol vol.”²³

Dirumuskan bahawa perkataan arak dari sudut bahasa dan syarak jelas membawa maksud yang merangkumi apa sahaja minuman yang sifatnya menutup akal, tanpa membataskan apa jua jenis-jenisnya. Kenyataan tersebut disokong oleh pengesahan sains kimia tentang kandungannya terdiri daripada alkohol yang boleh menyebabkan kesan mabuk. Beberapa undang-undang telah menetapkan kadar kandungan alkohol yang terdapat di dalam pelbagai jenis minuman memabukkan tanpa menghadkan kepada jenis buah anggur sahaja, tetapi termasuklah dari sumber buah-buahan lain dan bijirin. Secara amnya dari sudut perundangan, arak itu boleh terdiri daripada minuman yang mengandungi kadar alkohol di antara 0.5 % hingga 80 % vol etanol terdiri daripada pelbagai jenis namun tidak diklasifikasikan mengikut jenama. Berikut adalah jadual perbandingan yang merumuskan tahap piawaian kandungan alkohol dalam minuman memabukkan atau minuman beralkohol mengikut undang-undang sedia ada di Negara Brunei Darussalam di samping merujuk undang-undang luar negara.

Perbandingan Tahap Piawaian Kandungan Alkohol Dalam Minuman Memabukkan Atau Minuman Beralkohol

Jadual 1

Undang-Undang Negara Brunei Darussalam	Tafsiran
Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS)	Tiada tafsiran “meminum arak atau minuman memabukkan”

²² Sila lihat Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.

²³ https://en.m.wikipedia.org/wiki/Alcohol_law (akses bertarikh 26 Jun 2020)

Bab 2(1), Perintah Eksais, 2006	“ <i>Liquor</i> yang memabukkan” - termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada 2 % spirit pruf, yang sesuai, atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai satu minuman
Perintah Duti Eksais (Pindaan) (Bil.2), 2017 / Brunei Darussalam Tariff and Trade Classification, 2017 (BDTTC)	Minuman tidak beralkohol : minuman mengandungi paras alkohol yang tidak melebihi 0.5% vol (<i>volume</i>) Minuman beralkohol diklasifikasikan sebagaimana bersesuaian, iaitu di antara kadar alkohol tidak melebihi 1.14% vol dan kurang daripada 80 % vol
Bab 253(1), Akta Kesihatan Awam (Makanan), Peraturan 1, Penggal 182	Minuman beralkohol adalah <i>liquor</i> yang memabukkan yang mengandungi lebih daripada 0.5 % (v/v) alkohol pada kadar 20°C dan yang sesuai, atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai satu minuman dan termasuk “ <i>todi</i> ” tapi tidak termasuk spirit yang dinyahasli

Jadual 2

Undang-Undang Luar Negara	Tafsiran
Bab 1, Pasal 1, Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 12 Tahun 2003	“Khamar dan sejenisnya” sebagai minuman yang memabukkan, apabila dikonsumsi dapat menyebabkan terganggu kesehatan, kesadaran dan daya fikir “Mengonsumsi” bermaksud perbuatan memakan atau meminum minuman khamar dan sejenisnya baik dilakukan sendiri mahupun dengan bantuan orang lain
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 2002	“ <i>Syurb</i> ” sebagai kesalahan meminum arak atau sebarang minuman yang sifatnya memabukkan, sama ada orang yang meminumnya mabuk atau tidak, dan tanpa mengira kuantiti yang diminumnya
Chpt. 1, Sect. 2 (h), The Prohibition (Enforcement Of Hadd) Order, 1979 Pakistan	Minuman memabukkan diertikan sebagai termasuk <i>todi</i> , spirit dari wain, bir dan semua cecair yang mengandungi alkohol yang kebiasaannya digunakan untuk tujuan memabukkan, tetapi tidak termasuk <i>solid</i> yang memabukkan walaupun setelah dicairkan
Bab 2(1), Akta Kastam 1967 (Akta 235) Malaysia	“ <i>liquor</i> memabukkan” termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada 1.14 % (v/v), yang sesuai, atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai satu minuman

Peraturan 361, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Malaysia	Minuman beralkohol adalah <i>liquor</i> yang memabukkan yang mengandungi lebih daripada 2% (v/v) kandungan alkohol
---	--

Jenis-Jenis Arak

Masyarakat Arab menamakan arak dengan pelbagai jenis antaranya *Al-Sukr* atau *Al-Nabidz* (dari anggur manis dan kurma), *Al-Sahba'u* (arak merah), *Al-Bit'* (dari madu dan kurma) atau *Al-Mizr* (dari jagung atau barli). (Muhammad Iqbal Siddiqi 1981). Masyarakat bukan Islam pula menamakannya seperti berikut : *Wine* hasil perapan buahan daripada anggur, *Beer* dari perapan tumbuhan seperti barli atau gandum. *Wiski* dari perapan jagung atau bijian. *Cider* sumber hasil perapan buah epal, *Vodka* sejenis arak berasal dari Rusia dihasilkan dari pemerapan bijian, gandum, kentang, anggur atau gula ubi. Sementara *Brandy* dihasilkan melalui proses penyulingan buah anggur. Nama-nama lain seperti *beer*, *anchor*, *cognac*, *champagne*, *samsu*, *tuak*, *whisky*, *liquor*, *tiger*, *rum* turut diperbuat dari pelbagai jenis bahan seperti anggur, beras, kabung, nira kelapa dan campuran alkohol. Menurut Hibbert, Addam (2001) yang lebih kuat dari *beer* adalah *Alcopops* yang diperbuat dengan penambahan ethanol untuk memaniskan jus-jus buahan. Perkadaran kandungan alkohol jelas berbeza-beza iaitu sekitar lingkungan 3 – 5 vol% bagi jenis bir, 8 - 14 vol% bagi *table wines*, 15 - 22 vol% dalam *fortified wines* dan 35 – 55 vol% dalam spirit atau *liquor* yang disuling.²⁴ Salah satu syarikat arak ternama Heineken mula mengeluarkan produk baharu arak tanpa alkohol iaitu Heineken 0.0, namun sebetulnya tetap mengandungi kandungan alkohol yang lebih rendah dari kebiasaannya iaitu pada kadar 0.03% sahaja.²⁵

Isu Perundangan Berhubung Tafsiran Arak Dan Had Piawaian Alkohol

Isu yang timbul apakah dimaksudkan arak dalam skop perundangan jenayah syariah ? Pendapat jumbuh ulama meliputi keseluruhan apa jua jenis minuman yang memabukkan dengan tidak membezakan langsung tahap kandungan alkoholnya sama ada sikit atau banyak, tinggi atau rendah. Terdapat dua pandangan yang berbeza iaitu mazhab Hanafi dan pendapat Jumhur terdiri dari mazhab Maliki, Syafi'e dan Hanbali. Sudut perundangan sivil secara umumnya tidak mengkhususkan malahan memperuntukkan pelbagai kategori minuman memabukkan mengikut daripada jenis bahan ianya diperbuat. Demikian, dirumuskan bahawa had piawaian kandungan alkohol dalam arak menurut undang-undang sivil di Negara Brunei Darussalam adalah berbeza-beza antaranya ada melebihi 2 % spirit prof (alkohol mutlak)²⁶ dan yang melebihi 0.5 % volume alkohol.²⁷ Maka secara amnya dapat disimpulkan bahawa tafsiran arak yang ditetapkan dalam perundangan adalah dalam lingkungan tidak kurang dari 0.5 % volume alkohol dan tidak melebihi 80 % volume alkohol. Namun skop undang-undang jenayah syariah khususnya PKHJS sebagai undang-undang substantif jenayah tersebut tidak memberikan sebarang tafsiran arak atau minuman yang memabukkan sebagaimana peruntukan undang-undang lain²⁸ yang mentafsirannya di dalam perintah masing-masing meskipun Perintah

²⁴ Madea, Bukhard (Ed.). (2014). *Handbook of Forensic Medicine*. United States : Wiley Blackwell. hlm. 903.

²⁵ <https://www.malaysiakini.com/news/483712> dan

<https://lifestyle.okezone.com/read/2019/07/15/298/2079263/minum-bir-sepuasnya-tanpa-mabuk-kini-ada-di-malaysia> (akses bertarikh 29 April 2020)

²⁶ Perintah Eksais, 2006. Alkohol mutlak yang difahamkan adalah ethyl alkohol.

²⁷ Perintah Duti Eksais (Pindaan) (Bil.2), 2017 dan Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggagal 182).

²⁸ Nota : Merujuk kepada Perintah Eksais, 2006, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (Bil.2), 2017, Brunei Darussalam Tariff And Trade Classification, 2017 dan Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggagal 182) termasuklah undang-undang dari negara lain yang telah dijelaskan sebelum ini.

tersebut turut membuka ruang untuk membuat rujukan kepada Hukum Syara' jika tidak ada peruntukan yang nyata. Sementara ketetapan Fatwa Mufti Kerajaan Brunei bagi kadar alkohol dalam arak adalah dengan kandungan serendah 2 % alkohol.

Sebagaimana kes terkenal di Malaysia iaitu kes *Pendakwa Syar'ie lwn Kartika Sari Dewi Shukarno*, kebanyakan kes-kes yang berlaku di Brunei Darussalam membuat pengakuan bersalah di hadapan Mahkamah Syariah. Pihak pendakwaan tidak dibebani dengan pendakwaan yang berat kerana tertuduh membuat pengakuan bersalah secara rela hati. Kes-kes yang diputuskan setakat ini hanyalah kes yang dihukum ta'zir dan bukan hadd. Ini diandaikan berlaku disebabkan hukuman yang dikenakan dalam Akta Penggal 77 masih dianggap ringan. Isu yang timbul ialah bagaimanakah keadaannya jika tertuduh tidak membuat pengakuan bersalah dan pihak pendakwaan perlu membuktikan kesnya? Apakah elemen kesalahan yang perlu dibuktikan? Berapakah kandungan alkohol dalam arak yang menjadi suatu kesalahan jenayah minum arak di bawah undang-undang jenayah syariah? Akta Penggal 77 dan PKHJS tiada memperuntukkan tafsiran mengenai minuman arak atau minuman memabukkan. Merujuk beberapa undang-undang bertulis dalam perundangan sivil di Negara Brunei Darussalam dan undang-undang luar negara seperti Malaysia, Aceh Indonesia dan Pakistan sebagaimana yang terdahulu dihuraikan telah menunjukkan perbezaan yang sangat ketara dimana ketiadaan tafsiran jenayah minum arak dikesan di dalam undang-undang jenayah syariah Negara Brunei Darussalam. Berikut dikemukakan beberapa contoh kes sebagai perbandingan dalam membuktikan suatu tafsiran undang-undang itu dianggap signifikan dalam undang-undang jenayah. Kegagalan dalam membuktikan suatu elemen kesalahan yang mana pada masa yang sama merujuk suatu tafsiran dalam undang-undang dilihat mampu memberi kesan terhadap kes atau mempengaruhi keputusan Mahkamah. Isu tersebut harus diberi perhatian dan disesuaikan dengan kehendak perundangan.

Contoh Kes:

1. kes *Shukri bin Mohamad lwn PP*²⁹

Diputuskan bahawa rekod menunjukkan bahawa apa yang dinyatakan oleh Ahli Kimia itu mengenai perkara yang dipertikaikan adalah bahawa pemeriksaan dan analisa beliau atas bahan tersebut menunjukkan bahawa ia adalah 'ganja seperti yang ditakrif di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952' tanpa menyebut tentang seksyen 2 Akta itu. Peninggalan jelas ini boleh menimbulkan inferens bahawa beliau tidak memikirkan tentang bahan kandungan ganja seperti yang ditakrifkan di dalam seksyen 2. Beliau juga tidak menyebut tentang hasil pemeriksaan fizikal bahan itu ataupun sama ada beliau telah menjalankan apa-apa ujian ke atasnya. Kesan gabungan kelemahan-kelemahan ini, yang terlepas perhatian hakim bicara, adalah bahawa bahan itu mungkin adalah 'ganja' mengikut maksud seksyen 2 Akta itu, ataupun 'ganja (Hemp dari India)' yang disenaraikan di dalam Bahagian III Jadual Pertama Akta itu.

2. kes *DPP lwn Tan Ah Guat*³⁰

Hakim menyatakan, *inter alia* :

But what was fatal to the prosecution case was that the certificate (even if it had been admissible) failed to prove that the alleged samsu was 'intoxicating liquor' under the definition contained in the Ordinance.

There are two ingredients of that definition:

²⁹ *Shukri bin Mohamad lwn PP* [1995] 3 MLJ 229

³⁰ *DPP lwn Tan Ah Guat* [1947] MLJ 32

- (a) that it contained more than 2% alcohol by weight;
- (b) that it is fit (or intended) for use as a beverage.

Dalam kes kesalahan memiliki minuman keras bercukai di bawah Ordinan Cukai Minuman Keras, Hakim berpendapat bahawa perkara pertama telah dibuktikan tetapi tidak yang kedua di mana adalah sangat dikehendaki (meskipun tidak ditegaskan keperluannya) bahawa perkataan terkandung dalam definisi Ordinan tersebut hendaklah dinyatakan di dalam sijil³¹ yang dikeluarkan oleh Ahli Kimia. Oleh sebab itu, tiada kesalahan diputuskan sebagai dibuktikan telah dilakukan.

3. kes *PP lwn Tan Siew Lan*³²

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Raja Azlan Shah J. mengagkas keputusan mahkamah majistret yang telah melepaskan tertuduh dari kesalahan memiliki minuman memabukkan di bawah Akta Eksais 1961 Malaysia disebabkan sijil ahli kimia yang dijadikan keterangan tidak memenuhi keperluan peruntukan seksyen 2 Akta tersebut iaitu tafsiran “minuman memabukkan”, diputuskan meskipun laporan ahli kimia sangat dikehendaki untuk mengikut perkataan di dalam peruntukan, kegagalan melakukannya atau peninggalan menyatakan butiran tidak akan menjejaskan kes pendakwa (*not fatal*), selagimana terdapat petanda yang mencukupi bahawa ahli kimia telah mengarahkan mindanya kepada keperluan peruntukan itu.

4. *Wong Kit Ming lwn Pendakwa Raya*³³

Keputusan Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa saksi Ahli Kimia telah tidak menjalankan analisa untuk menentukan liquor memabukkan itu sesuai untuk digunakan sebagai minuman (*limb* kedua) dari tafsiran seksyen 2 Akta Kastam 1967 itu telah menyebabkan kegagalan dalam membuktikan bahawa barang larangan *liquor* memabukkan itu termasuk di bawah takrifan seksyen 2 Akta tersebut. Mahkamah turut berpendapat takrifan “*intoxicating liquor*” di bawah seksyen 2 Akta itu hampir menyamai (*in pari materia*) dengan takrifan seksyen 2 dari Ordinan Cukai Minuman Keras dalam kes *Tan Ah Guat*. Walaubagaimanapun, kes ini semasa dibicarakan di Mahkamah Magistret diputuskan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan disabitkan bersalah.

Analisis Kes

Berdasarkan statistik kes Bahagian Pendakwaan Syar’ie Negara Brunei Darussalam (selepas ini dirujuk sebagai BPS), sebanyak 49 kesalahan diterima berkaitan dengan meminum minuman memabukkan di bawah bab 172 Akta Penggal 77 sekitar tahun 2014 hingga 2019. Laporan Bahagian Penguatkuasaan Ugama Negara Brunei Darussalam (selepas ini dirujuk sebagai BPU) pada April 2020 menyatakan sebanyak 28 orang disiasat pada tahun 2019 dan 12 orang disiasat dari Januari hingga Mac 2020 yang membawa kepada jumlah seramai 40 orang dari bermulanya pelaksanaan hukum jenayah Hudud sejak 03 April 2019. Menurut BPU, siasatan telah dijalankan ke atas 12 orang suspek pada tahun 2019 bagi daerah Brunei Muara. Setakat bulan Jun 2020, 11 orang suspek bagi daerah Brunei Muara dijalankan siasatan di bawah bab 104, PKHJS. Menurut BPS setakat 31 Ogos 2020, sebanyak 13 kesalahan

³¹ Sijil (*certificate*) yang dimaksudkan dalam kes *Tan Ah Guat* adalah merujuk s 427 of the *Singapore Criminal Procedure Code* (*pari materia* dengan [s 399 Criminal Procedure Code \(FMS Cap 6\)](#) sekarang dikenali sebagai Akta 593 dan dengan bab 73 Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018).

³² *PP lwn Tan Siew Lan* (1966) 2 MLJ 285. Sila lihat juga kes *Toh Kim Soo lwn Regina* [1954] MLJ 325

³³ *Wong Kit Ming lwn Pendakwa Raya* [2020] MLJU 387

berkaitan minum arak telah dihadapi oleh BPU untuk tindakan pendakwaan. Pengkaji telah membuat analisa kes sejumlah 22 kertas siasatan berkenaan kesalahan minum arak di bawah bab 172 Akta Penggal 77 (aduan di antara tahun 2010 - 2018). Ini disebabkan belum ada kes yang selesai di bawah bab 104 dari PKHJS. Berdasarkan penelitian, hampir kesemua kes berpunca dari aduan daerah Brunei Muara kecuali satu daripadanya aduan daerah Temburong dan satu lagi dari daerah Belait. Secara keseluruhannya kes-kes tersebut didapati berpunca dari kes rondaan BPU, hasil aduan orang awam atau operasi pihak berkuasa. Dari jumlah di atas, sebanyak 44 orang suspek telah dijalankan siasatan, terdiri dari 42 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Kebanyakannya adalah lelaki warga tempatan seramai 38 orang dan selebihnya 4 orang adalah warganegara Indonesia. Perempuan disyaki terdiri dari seorang warga tempatan dan seorang warga Malaysia. Terdapat 5 kes yang telah disabitkan di Mahkamah Rendah Syariah Brunei Muara, iaitu 4 kesalahan dalam negeri dan 1 kesalahan yang dilakukan di luar negara. Kesemua yang disabitkan bersalah terdiri dari lelaki beragama Islam, iaitu 9 orang warganegara Brunei dan 4 orang warga Indonesia. Dari kes-kes tersebut, selain dari pengakuan tertuduh, keterangan lain turut diperolehi seperti qarinah (keterangan berkeadaan) atau bukti sokongan keputusan ujian pernafasan positif alkohol, ujian darah positif alkohol, barang kes (*real evidence*) diperolehi berbentuk rampasan botol minuman atau gelas berisi arak.

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini mendapati wujud perbezaan konsep jenayah minum arak dalam hukum syarak dan perundangan. Undang-undang jenayah sivil mengambilkira kadar peratus kandungan alkohol dalam arak berbeza dengan undang-undang jenayah syariah. Peruntukan undang-undang jenayah syariah didapati masih kabur dan perlu kepada tafsiran yang lebih jelas. Meskipun rujukan kepada Hukum Syarak boleh dibuat, namun kaedah penyelesaian sedemikian sebetulnya tidaklah mudah. Perbezaan pendapat di kalangan para fuqaha Islam dan skop perundangan syariah dan sivil pasti mengundang timbulnya pendapat-pendapat yang berbeza atau isu baru yang akhirnya menyebabkan pertikaian yang sebetulnya boleh dielakkan jika wujud usaha untuk memperbaiki kelemahan dari peringkat awal lagi. Pemakaian undang-undang yang kurang jelas pastinya akan membuka ruang kepada pelbagai isu dan boleh disalah tafsir hingga akhirnya menimbulkan kesulitan. Terdapat *lacuna* dalam peruntukan PKHJS berhubung tafsiran jenayah minum arak atau minuman yang memabukkan. Disarankan tafsiran arak dalam PKHJS dibuat selari dengan pandangan hukum syarak dan kehendak perundangan. Kelopongan tersebut perlulah diperbaiki dengan membuat pindaan bersesuaian seperti penetapan had piawai kandungan alkohol bagi jenayah minum arak. Dalam erti kata lain, keseragaman elok diwujudkan dalam etika penggubalan undang-undang sivil dan undang-undang syariah selagimana tidak bertentangan dengan syarak bertujuan bagi mengelak berlakunya ketidakadilan, salah tafsir dan kekeliruan di kalangan pengamal undang-undang dan masyarakat awam.

Rujukan

- al-Aḥmarī, Sa'īd bin 'Abdul Rahman. (t.t). *Hikmah Taḥrīm al-Khamr fī al-Islām*. Riyadh: Maktabah al-Maa'rif
- Amir Abdul Aziz. (t.t). *al-Fiqh al-Janā'iy fī al-Islām*. Kaherah : Dar as-Salam
- 'Awdah, 'Abd al-Qādir. (t.t). *al-Tāshry' al-Janā'iy al-Islāmy Muqāranān Bi al-Qānūn al-Waḍ'ī*. Qaherah: Dar al-Hadith
- al-Dasūqī, Muhammad bin Ahmad bin 'Arafah. (t.t). *Hāshīyah al-Dusuqī 'Alā al-Sharah al-Kabīr*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- al-Jazairī, 'Abdul Rahman. (2011). *Fiqh 4 Mazhab*. H.M Yusuf Sinaga, H.M Abdurrahman Saleh Siregar, H. Muhammad Zuhirsyan (ptrj.). Johor Bahru: Jahabersa

- al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakar bin Mas'ūd. (t.t). *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- al-Qurṭūbī, Ibnu Rushd al-Ḥafīd. (t.t.). *Sharah Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Kaherah: Dar al-Salam
- al-Shīrāzī, Abi Ishaq Ibrāhīm bin 'Ali bin Yūsuf al-Fayrūzābādī. (t.t). *al-Muhadhab*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- al-Zuhaylī, Wahbah. (1984). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyik : Dar al-Fikr
- Brunei Darussalam Tariff And Trade Classification, 2017
<https://bdntr.mofe.gov.bn/SitePages/TariffNomenclature.aspx> (akses bertarikh 01 April 2020)
- Fatwa Mufti Kerajaan. (2007). *Isu-Isu Produk Halal*. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan
- Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim. (2010). *Negara Sejahtera Tanpa Arak*. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah
- Hibbert, Addam. (2001). *Read All About it ! Alcohol*. London: Franklin Watts
https://en.m.wikipedia.org/wiki/Alcohol_law (akses bertarikh 26 Jun 2020)
<https://en.wikipedia.org/wiki/Ethanol> (akses bertarikh 26 Jun 2020)
<https://gulffnews.com/world/gulf/qatar/qaradawi-sanctions-small-quantity-of-alcohol-in-drinks-1.97623> (akses bertarikh 01 april 2020)
- Ibnu Qudāmah. (t.t). *al-Mughnī*. M. Sulton Akhbar (Ed.) Muhyiddin Mas Rida, M.Zuhirsyan, Ahmad Zuhri Rangkuti (ptrj.). Jakarta : Pustaka Azzam
- Jasri Jamal & Noryati Anuar. (2012). Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan : Kajian Khusus Negeri Selangor Darul Ehsan. *KANUN*, 224. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia*. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 175-176
- Law, Jonathan & Martin, Elizabeth A. (Ed.). (2009). *Oxford Dictionary of Law*. 7th ed. United States: Oxford University Press
- Madea, Bukhard (Ed.). (2014). *Handbook of Forensic Medicine*. United States: Wiley Blackwell
- Muhammad Iqbal Siddiqi. (1981). *Islam Forbids Intoxicants and Gambling*. Lahore Pakistan: Kazi Publication
- Nāṣīr Sāyyīd Aḥmād, et.al. (t.t). *Mu'jam Wasīf*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi
- Ortmeier, P.J. (2006). *Introduction to Law Enforcement and Criminal Justice*. 2nd ed. New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Paizah Haji Ismail. (2008). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd
- Royston, Angela. (2000). *Learn to Say No ! Alcohol*. Great Britain: Heinemann Library
- Sayyid Sābiq. (t.t). *al-Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr
- Setiyawan Gunardi. (2018). Arak Dan Minuman-Minuman Yang Memabukkan Menurut Pandangan Ulama Empat Mazhab Dan Fatwa. *Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai*. Vol 7, 64-65. www.mjisl.usim.edu.my
- Steel, Miranda (Ed.). (2003). *New Oxford English-English-Malay Dictionary*. Zubaidah Abdul Rahman (trans). Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd
www.borneobulletin.com.bn (akses bertarikh 20 April 2020)
www.police.gov.bn (akses bertarikh 13 Dis 2020)
- Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (1999). *Fatwa Mufti Kerajaan*. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan

Statut

Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Akta Penggal 77)

Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Peraturan 1, Penggal 182)

Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Malaysia

Akta Kastam 1967 (Akta 235) Malaysia

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 2002

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS)

Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018

Perintah Eksais, 2006

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (Bil.2), 2017

Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977 Malaysia

Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 12 Tahun 2003

The Prohibition (Enforcement Of Hadd) Order, 1979 Pakistan